



## GST KADAR SIFAR

Change	40.00
TOTAL PAYABLE BY GST	2.00
	2.15
Thank You and Please Come Again.	
Guest Pay	13-1300

### GST sifar: Mudahkan urusan tuntutan cukai

SHAH ALAM - Langkah kerajaan menguatkuasakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar sifar bermula hari ini dilihat bagi memudahkan urusan tuntutan terhadap cukai berkenaan yang mungkin masih belum selesai selepas tarikh tersebut.

Pensyarah Kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, sekiranya GST terus dimansuhkan, urusan tuntutan GST sukar dilaksanakan kerana ketiadaan rekod me-



AHMED RAZMAN

mandangkan sistem percukaian itu ditutup.

"Kalau kerajaan hendak mansuhkan terus maknanya

tiada langsung GST.

Sebenarnya ada sedikit masalah dari segi pemantauan kerana syarikat-syarikat masih lagi mengurus tuntutan cukai dengan pihak kastam. Jadi ada beberapa lagi urusan yang masih lagi melalui sistem (percukaian) itu.

"Apabila GST dibuat pada kadar sifar, jadi pelarasan tuntutan masih boleh diteruskan selepas 1 Jun sebab selepas tarikh itu, masih ada lagi syarikat yang hendak buat tuntutan atau masih lagi kutip cukai. Kalau sistem ditutup, susahlah untuk perniagaan.

Sebab itu GST itu ditukar pada kadar sifar," katanya.

Justeru, Ahmed Razman berkata, harga barang dan perkhidmatan juga sepatutnya turun bermula hari ini.

"Namun kerajaan melalui agensi-agensinya perlu memantau peniaga sebab kita tidak mahu mereka ambil kesempatan dengan mengekalkan harga sama walaupun GST telah tiada.

"Ramai orang yang beli barang dalam kuantiti banyak di kedai runcit atau pasar raya kadang-kala sukar untuk semak perbezaan harga setiap

barang yang dibelinya kecuali dengan penggunaan *bar code*. Bagi perniagaan kecil yang guna mesin secara manual, sukar untuk dilihat dari segi perbezaan harga," katanya.

Ditanya tentang sistem percukaian baharu bagi menggantikan GST, Ahmed Razman berkata, ia memerlukan masa antara sebulan atau dua bulan untuk GST digantikan dengan sistem baharu.

"Pada pandangan saya, kerajaan mungkin sedang cuba memikirkan sistem cukai jualan dan perkhidmat-

an (SST) boleh digunakan atas sistem GST sedia ada. Mungkin tidak perlu sistem baharu.

"Itu mungkin sebab kenapa kerajaan kuatkuasakan GST kadar sifar kerana kerajaan sedang fikirkan bagaimana menggunakan sistem sedia ada untuk SST, tetapi dengan kadar peratusan lain," katanya.

SST merupakan sistem percukaian digunakan di negara ini yang dikenakan terhadap pengeluar atau kilang, sebelum digantikan dengan GST pada 1 April 2014.